



PERBADANAN PENGANGKUTAN AWAM JOHOR SDN BHD

(SILA LEKATKAN
GAMBAR BARU
BERUKURAN
PASSPORT)

BORANG PERMOHONAN PEKERJAAN

PERMOHONAN UNTUK JAWATAN:

NAMA : _____

ALAMAT : _____

POSKOD : _____ NEGERI : _____

TELEFON (R) : _____ TELEFON (B) : _____

EMEL : _____

MAKLUMAT PERIBADI

KAD PENGENALAN : _____ BANGSA : _____

AGAMA : _____ UMUR : _____

JANTINA : _____ WARGANEGARA: _____

TEMPAT LAHIR : _____ TARIKH LAHIR : _____

STATUS PERKAHWINAN : _____ LESEN MEMANDU : _____

MAKLUMAT AKADEMIK

JENIS INSTITUSI	NAMA INSTITUSI	TAHUN (DARI - HINGGA)	CGPA/ PANGKAT	KELAYAKAN DIPEROLEHI
RENDAH				
MENENGAH				
KOLEJ/ UNIVERSITI				
LAIN-LAIN				

PENGALAMAN KERJA

MAJIKAN	ALAMAT	JAWATAN	TAHUN (DARI - HINGGA)	GAJI TERAKHIR	SEBAB BERHENTI

GAJI DIPOHON:

PENGAKUAN:

Dengan mengisi borang permohonan ini, saya mengaku bahawa:

- Saya pernah/tidak pernah* disabitkan atas tuduhan jenayah atau dihukum oleh mana-mana mahkamah.
- Saya pernah / tidak pernah* dibuang kerja oleh Kerajaan / Badan-badan Berkanun / Kuasa-kuasa Tempatan.

Saya juga mengaku segala maklumat-maklumat yang dinyatakan di atas adalah **benar**.

***Sila potong mana yang tidak berkenaan**

Yang benar,

.....

NAMA:

TARIKH:



PERBADANAN PENGANGKUTAN AWAM JOHOR

NO 12 & 14, JALAN ISKANDAR PUTRI ½,
TAMAN NUSANTARA PRIMA
79200 ISKANDAR PUTERI,
JOHOR DARUL TAKZIM

IKLAN JAWATAN KOSONG

Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) mempelawa individu yang berpotensi dan berkelayakkan untuk memohon jawatan seperti berikut:-

1. NAMA JAWATAN	: EKSEKUTIF
BAHAGIAN	: KEWANGAN
TARAF JAWATAN	: KONTRAK
GRED JAWATAN	: E6
SKALA GAJI	: RM2500-RM7200

Tugas & Tanggungjawab

1. Mengurus dan merekod semua transaksi kewangan Syarikat mengikut piawaian perakaunan dan dasar kewangan yang berkuat kuasa.
2. Memastikan ketepatan rekod perakaunan, dokumentasi sokongan dan kawalan dalaman kewangan.
3. Menyediakan laporan kewangan bulanan termasuk penyata untung rugi, penyata kedudukan kewangan, penyata aliran tunai dan penyata penyesuaian bank.
4. Menyediakan analisis ringkas prestasi kewangan untuk perhatian pihak pengurusan.
5. Menyediakan dan menyelaraskan belanjawan jabatan untuk semakan dan kelulusan Ketua Jabatan serta pihak pengurusan.
6. Memantau perbelanjaan berbanding belanjawan dan melaporkan sebarang lebihan atau ketidakpatuhan.
7. Membentangkan laporan perbelanjaan bulanan mengikut jabatan.
8. Mengurus penyediaan baucar bayaran, cek dan urusan pembayaran kepada pembekal dan pihak berkaitan.

9. Memastikan semua bayaran dibuat mengikut kelulusan, SOP dan peraturan kewangan yang ditetapkan.
10. Mengurus dan menyelaras urusan kewangan dengan pihak luar termasuk pembekal, kontraktor dan institusi perbankan
11. Menyokong urusan audit dalaman dan luaran dengan menyediakan maklumat dan dokumen yang diperlukan.
12. Memastikan pematuhan kepada dasar kewangan, SOP, peraturan dan keperluan audit.
13. Menyokong penambahbaikan kawalan dalaman kewangan dari semasa ke semasa.

Syarat Kelayakan

1. Warganegara Malaysia.
2. Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam **Perakaunan / Kewangan / bidang berkaitan** yang diiktiraf.
3. Minimum **dua (2) tahun pengalaman** dalam bidang kewangan atau perakaunan.
4. Mempunyai pengetahuan asas perakaunan, belanjawan dan penyediaan laporan kewangan.
5. Mahir menggunakan sistem/perisian kewangan dan mampu berkomunikasi dengan baik.
6. Berintegriti, bertanggungjawab, teliti dan mempunyai kemahiran interpersonal yang baik.

2. NAMA JAWATAN	: EKSEKUTIF
BAHAGIAN	: OPERASI
TARAF JAWATAN	: KONTRAK
GRAD JAWATAN	: E6
SKALA GAJI	: RM2500-RM7200

Tugas & Tanggungjawab

1. Merangka, menyelaras, memantau dan memastikan perkhidmatan pengangkutan awam dilaksanakan mengikut prosedur dan piawaian yang ditetapkan.
2. Menggerakkan pelaksanaan inisiatif dan penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam di Negeri Johor.
3. Menerima, menganalisis dan menyelaras penyelesaian aduan berkaitan perkhidmatan pengangkutan awam.

4. Memberi khidmat nasihat dan sokongan teknikal kepada agensi pelaksana berkaitan pengangkutan awam.
5. Membina dan mengekalkan jaringan kerjasama dengan pihak berkepentingan berkaitan.

Syarat Kelayakan

1. Warganegara Malaysia.
2. Mempunyai **Ijazah Sarjana Muda (Kepujian)** dalam bidang **Kejuruteraan, Perancangan Pengangkutan, Logistik atau bidang berkaitan** yang diiktiraf.
3. Mempunyai **sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman bekerja** dalam bidang berkaitan.
4. Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik secara lisan dan bertulis.
5. Mempunyai ciri kepimpinan, berdisiplin dan mampu bekerja secara berpasukan.
6. Mempunyai kenderaan sendiri serta lesen memandu yang sah.
7. Bersikap bertanggungjawab, amanah, proaktif dan mempunyai kemahiran interpersonal yang baik.

3. NAMA JAWATAN	: EKSEKUTIF
BAHAGIAN	: PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
TARAF JAWATAN	: KONTRAK
GRED JAWATAN	: E6
SKALA GAJI	: RM2500-RM7200

Tugas & Tanggungjawab

1. Bertanggungjawab merancang dan melaksanakan usaha-usaha untuk mewujudkan hubungan dan kerjasama dari segi perniagaan dengan pelbagai pihak.
2. Bertanggungjawab merancang dan menyelaraskan strategi perniagaan PAJ dan perkhidmatan PAJ
3. Mengenalpasti dan membuat kajian pasaran yang berkaitan dengan pengangkutan
4. Membuat jaringan dengan agensi-agensi yang berkepentingan
5. Merancang dan menyelaraskan perniagaan strategik dalam bidang pengangkutan
6. Merancang dan menyelaraskan pemasaran projek atau program pengangkutan sedia ada serta program pembangunan dan pengembangan staf di dalam dan luar negara.

7. Merancang bersama idea perniagaan baharu yang berpotensi dalam bidang pengangkutan
8. Merancang dan membangunkan program atau projek pengangkutan yang boleh dijalankan secara kerjasama dengan syarikat/organisasi swasta dan kerajaan.
9. Mengenalpasti dan mendapatkan peluang dana/peruntukan untuk program-program di bawah agensi awam atau swasta.
10. Mengadakan kerjasama dengan jabatan atau agensi pengangkutan dan syarikat berkaitan dalam bidang pengangkutan.

Syarat Kelayakan

1. Warganegara Malaysia
2. Berperwatakan dan berkerampilan menarik
3. Memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang pengurusan perniagaan yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
4. Mempunyai **minimum DUA (2) tahun** pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan
5. Mampu berkomunikasi dengan baik sama ada lisan atau bertulis.
7. Mempunyai kenderaan sendiri dengan lesen memandu kereta/menunggang motosikal yang sah.
8. Bertanggungjawab, amanah, proaktif dan mempunyai kemahiran interpersonal yang baik.

4. NAMA JAWATAN	: PEMBANTU EKSEKUTIF PENTADBIRAN
	MERANGKAP KHIDMAT PELANGGAN
BAHAGIAN	: PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA
TARAF JAWATAN	: KONTRAK
TEMPOH KONTRAK	: 2 TAHUN
GRED JAWATAN	: S4
SKALA GAJI	: RM2100-RM4800

Diskripsi Tugas

1. Menerima dan melayani pertanyaan pelanggan, termasuk melalui telefon, emel, media sosial atau secara bersemuka.

2. Menguruskan kaunter hadapan (*front desk*) – pendaftaran tetamu, menyambut pelawat dan memberi maklumat yang tepat.
3. Merekod dan menyampaikan maklumat aduan/pertanyaan pelanggan kepada jabatan berkaitan untuk tindakan lanjut
4. Memastikan imej profesional syarikat terjaga, melalui komunikasi yang sopan, penampilan kemas dan layanan mesra pelanggan
5. Mengurus dan menyelenggara dokumen pejabat, termasuk fail-fail pentadbiran, surat menyurat, memo dan rekod jabatan.
6. Menyelaraskan keperluan logistik pejabat seperti keperluan alat tulis, cetakan, kenderaan jabatan dan tempahan bilik mesyuarat.
7. Membantu dalam pengurusan inventori pejabat, seperti merekod, mengemaskini dan menyusun perolehan aset kecil pejabat.

Syarat Kelayakan

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Berkebolehan berkomunikasi di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
4. Memiliki sekurang-kurangnya Diploma atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
5. Bertanggungjawab, amanah, proaktif dan mempunyai kemahiran interpersonal yang baik.

5. NAMA JAWATAN	: PEREKA GRAFIK
BAHAGIAN	: KOMUNIKASI STRATEGIK
TARAF JAWATAN	: KONTRAK
TEMPOH KONTRAK	: 2 TAHUN
GRED JAWATAN	: S4
SKALA GAJI	: RM2100-RM4800

Diskripsi Tugas

1. Merancang dan menyediakan reka bentuk grafik merangkumi keperluan program, risalah, poster, bahan promosi, media sosial, aktiviti, merchandise dan lain-lain.
2. Menyediakan dan menghasilkan video rasmi PAJ dan media sosial bagi tujuan promosi serta penjenamaan PAJ dan Bas Muafakat Johor (BMJ).

3. Menyediakan, menjana dan menjadualkan kandungan media sosial rasmi PAJ mengikut pelan komunikasi yang ditetapkan.
4. Menyediakan standard format dan templat reka bentuk selaras dengan spesifikasi serta garis panduan jenama PAJ.
5. Membantu serta mengurus kelancaran program dan acara seperti penyediaan bahan promosi, pameran, pelancaran produk dan aktiviti korporat dan komuniti
6. Memastikan jenama dan logo PAJ digunakan secara konsisten dan mematuhi garis panduan bagi kegunaan dalaman dan luaran.
7. Memantau, mengurus dan memberi maklum balas terhadap komen dan pertanyaan di platform media sosial PAJ.
8. Memantau serta mengemas kini kandungan laman sesawang rasmi PAJ dari semasa ke semasa.
9. Membantu dalam penganjuran acara PAJ dan kerjasama dengan jabatan luar serta pihak berkaitan.

Syarat Kelayakan

1. Diploma / Ijazah dalam Reka Bentuk Grafik, Multimedia, Komunikasi Visual atau bidang berkaitan.
2. Mahir menggunakan perisian seperti Adobe Illustrator, Photoshop, InDesign, Premiere Pro / After Effects atau setara.
3. Kreatif, berdaya inovatif dan mempunyai keupayaan menghasilkan idea visual yang menarik.
4. Mempunyai kemahiran pengurusan masa yang baik dan mampu bekerja mengikut tarikh akhir.
5. Mampu bekerja secara berdikari dan dalam pasukan.
6. Berpengalaman dalam pengurusan media sosial adalah satu kelebihan.
7. Portfolio reka bentuk adalah wajib (digital / pautan).

CARA MEMBUAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah menggunakan borang seperti di lampiran.
2. Borang yang lengkap diisi dengan jelas dan terang dengan **HURUF BESAR** hendaklah disertakan dengan gambar berukuran pasport terkini, resume dan salinan diakui sah dokumen-dokumen seperti berikut:-
 - i. Sijil Kelahiran
 - ii. Kad Pengenalan
 - iii. Sijil Berhenti Sekolah
 - iv. Sijil SPM/SKM Tahap 2 atau Tahap 3
 - v. Sijil Diploma
 - vi. Sijil-sijil Akademik dan kelayakan Yang Berkaitan
 - vii. Lesen Memandu yang sah.

3. Borang permohonan lengkap dipenuhi hendaklah dihantar ke alamat:-

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN PENGANGKUTAN AWAM JOHOR
NO 12 & 14 JALAN ISKANDAR PUTRI ½,
TAMAN NUSANTARA PRIMA,
79200 ISKANDAR PUTERI, JOHOR.
(U/P: BAHAGIAN SUMBER MANUSIA)**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 22 FEBRUARI 2026

CATATAN: Hanya pemohon yang layak dan melepasi tapisan akan dipanggil temuduga. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 1 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah beranggapan permohonan anda **TIDAK BERJAYA**. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.